



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM CITRA NEGARAKU PERKUKUH NILAI KENEGARAAN DAN SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN MAHASISWA

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah **memperkenalkan Program Citra Negaraku** bertujuan untuk **memperkukuhkan nilai-nilai kenegaraan dan menyemai semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa**. Majlis pelancaran program telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Kuala Lumpur, hari ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “Melalui inisiatif seperti **Program Citra Negaraku** dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), mahasiswa dilatih bukan hanya sebagai penyelaras program, tetapi sebagai penggerak utama dasar perpaduan negara di peringkat akar umbi”.

“Saya percaya mahasiswa hari ini mampu mengangkat semangat kenegaraan dan menyemai perpaduan dalam tindakan melalui dialog, kolaborasi rentas kaum, serta penglibatan dalam isu-isu sosial. Komitmen ini perlu diteruskan agar perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi menjadi budaya hidup yang terpahat dalam sanubari setiap rakyat Malaysia”, tambah beliau.

Beliau turut mengumumkan hasrat KPN untuk **memperluaskan pelaksanaan program ini kepada semua 193 buah SRN di seluruh negara menjelang tahun hadapan**, menjadikan setiap satu daripadanya sebagai pusat rujukan nilai kenegaraan, semangat perpaduan dan penghayatan Rukun Negara.

Dengan pemberian geran berjumlah RM20,000 bagi setiap institusi, sebanyak enam (6) IPT telah terpilih untuk melaksanakan Program Citra Negaraku, iaitu UCSI College, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh, Perak; Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Johor; Universiti College TATI (UC TATI), Terengganu; Kolej Geomatika Keningau, Sabah; dan Universiti Putra Malaysia (UPM) Cawangan Sarawak.

Antara pengisian dan aktiviti yang telah dirancang menerusi Program Citra Negaraku ialah **Bicara Perpaduan, Ekspresi Perpaduan, Sekretariat Rukun Negara (SRN) Prihatin dan Jejak Rukun Negara.**

Kementerian Perpaduan Negara

14 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (49)